

## **ISLAMISASI NEGARA MALAYSIA DALAM KONTEKS GAGASAN ISLAMISASI ILMU SYED MUHAMMAD NAQUIB AL-‘ATTAS: SATU TINJAUAN**

**Adam Bin Badhrulhisham**

Jabatan Usuluddin Akademi Pengajian Islam  
Kolej Universiti Islam Melaka  
*adambadhrul@kuim.edu.my*

**Mohamad Firdaus bin Mohd Isa**

Unit Penyelidikan, Perundingan dan Inovasi  
Kolej Universiti Islam Melaka  
*firdaus\_isa@kuim.edu.my*

### **ABSTRAK**

Islamisasi ilmu adalah cetus idea yang dikemukakan oleh Prof. Syed Naquib Al-Attas sekitar awal 80-an dan kemudian kembangkan oleh seorang tokoh lagi iaitu Ismail R. al-Faruqi. Tetapi Islamisasi telah berlaku sejak dari awal kedatangan Islam ke alam Melayu secara berperingkat. Menurut al-Attas proses Islamisasi mestilah bermula dengan Islamisasi ilmu. Sehubungan dengan itu, kertas kerja ini melatari perkembangan sejarah Islamisasi sejak awal pra kemerdekaan sehingga kini mengikut konteks gagasan Islamisasi yang diperkenalkan oleh al-Attas. Kertas kerja ini juga melakukan beberapa tinjauan mengenai impak dan cabaran yang berlaku ketika berlakunya proses Islamisasi ini. Tinjauan juga mendapati, Islamisasi belum dapat disempurnakan disebabkan beberapa kekangan tetapi peranan pelbagai pihak khususnya pemerintah Melayu Islam mewujudkan ruang untuk agama Islam terus berkembang di Malaysia tanpa menolak proses modernisasi dan menjadikan islam sebagai teras pembangunan.

## ISLAMIZATION OF MALAYSIA IN THE CONTEXT OF ISLAMIC CIVILIZATION OF SYED MUHAMMAD NAQUIB AL-'ATTAS: AN OVERVIEW

### ABSTRACT

Islamization of knowledge is the brainchild of the idea presented by Prof. Syed Naquib Al-Attas around early 80's and then developed by another figure, Ismail R. al-Faruqi. But Islamization has taken place from the beginning of Islam to the Malay world in stages. According to al-Attas, the process of Islamization must begin with Islamization of knowledge. In view of this, the paper is based on the historical development of Islamization since the beginning of pre-independence until now according to the context of Islamization idea introduced by al-Attas. This paper also reviews some of the impact and challenges that took place during the Islamicization process. The survey also found that Islamization has not been completed due to some constraints but the roles of various parties, especially the Malay Islamic rulers create space for Islamic religion to continue to grow in Malaysia without rejecting the process of modernization and making Islam a core development.

**Keywords:** Islamization, Independence, Islam, Malay Ruler

### PENDAHULUAN

Malaysia ialah sebuah negara yang mempunyai sejarah dan latarbelakang yang unik. Islam telah berkembang dan bertapak di Alam Melayu seawal abad ketujuh Masihi. Islam menjadi pegangan dan identiti masyarakat Melayu khususnya di rantau ini walaupun pernah dijajah oleh beberapa kuasa besar barat. Kejayaan mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 adalah suatu fasa baharu kepada sejarah pembangunan negara dalam membentuk negara merdeka dan berdaulat mengikut acuan sendiri. Transformasi islam melalui budaya dan sosial dalam masyarakat Malaysia mnya dan melayu khususnya berlaku secara berperingkat tetapi impaknya mencakupi secara keseluruh gaya hidup orang Melayu. Sebelum kita pergi kepada perkara selanjutnya, perlu difahami terlebih dahulu apakah maksud Islamisasi. Islamisasi adalah kegiatan suatu tempat dan waktu yang mengakibatkan suatu perubahan dalam suatu konsep, pola pemikiran,budaya dan peraturan hidup dalam masyarakat. Menurut teori yang dikemukakan oleh Syed Naquib Al-Attas, Islamisasi bermaksud "Pembebasan manusia dari berbagai tradisi lama yang mengikatnya seperti tradisi magis, mitologi dan sebagainya sehingga manusia bebas dan tidak bergantung kepada ilmu ghaib, mitologi, animisme, tasyul dan bebas dari fahaman sekular.<sup>59</sup>

<sup>59</sup> Syed Muhammad Naquib Al-Attas (2002), *Islam And Secularism*, Delhi: New Crescent Publishing Co, H. 197-198

Menurut Hassan Langgulung, Islamisasi bermaksud penerapan nilai-nilai Islam dalam sesuatu perkara dengan cara meletakkan sesuatu perkara itu dalam rangka konsep Islam. Secara lebih mudah, Islamisasi adalah satu proses mengislahkan atau memurnikan kembali keseluruhan gagasan, struktur, matlamat dan rekabentuk sesuatu perkara supaya kembali kepada ajaran tauhid<sup>60</sup>. Artikel ini bertujuan untuk meninjau sejauh mana proses Islamisasi yang telah berjalan di Malaysia memberi impak dalam konteks gagasan Islamisasi Ilmu yang diperkenalkan oleh tokoh pemikir alam Melayu kontemporari, Syed Muhammad Naquib al-Attas.

## ISLAMISASI TANAH MELAYU PRA-KEMERDEKAAN

Sepanjang tempoh penjajahan, umat Melayu terpaksa menempuh pelbagai usaha pembaratan yang diusahakan oleh barat terutamanya British. Dari sudut perundangan, undang-undang British diperkenalkan sebagai ganti kepada undang-undang Islam yang diamalkan. Undang-undang Islam hanya terhad kepada hal ehwal individu dan kekeluargaan sahaja. Situasi ini mengakibatkan kefahaman terhadap Islam disempitkan mengikut konsep Kristian.<sup>61</sup> Hal ini juga dapat dilihat dalam pentadbiran, hal ehwal tanah dan lain-lain sehingga Islam tidak lagi mampu diamalkan dengan menyeluruh sebagai satu *dīn* yang sempurna. Islam hanya terbatas kepada beberapa urusan sahaja. Walaupun dijajah hampir 400 tahun, pihak Barat tidak mampu memadamkan Islam daripada kehidupan masyarakat Melayu. Dalam aspek pendidikan, penjajahan British ke atas Tanah Melayu mencetuskan kesedaran di kalangan orang Melayu Islam untuk mengIslamisasikan semula sistem pendidikan mereka. Penjajahan British ke atas Tanah Melayu telah mengakibatkan sistem pendidikan dirombak dan pendidikan berteraskan Islam diketepikan kerana dianggap tidak penting oleh British.<sup>62</sup> Oleh itu, pelbagai usaha dilakukan untuk memperkasakan pendidikan Islam di kalangan masyarakat seperti yang dilakukan oleh negeri Johor pada tahun 1895 dengan menubuhkan sekolah agama formal untuk rakyatnya. Sistem madrasah juga mula dikenali bermula dengan Madrash al-Iqbal di Singapura diikuti negeri-negeri dan daerah lain. Kolej Islam Tanah Melayu juga ditubuhkan pada 1955 oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Hishamuddin Alam Syah yang kemudian dikenali sebagai Kolej Islam Kelang. Walau bagaimanapun ketika itu sistem pendidikan Islam masih belum diterima dalam sistem pendidikan persekutuan.<sup>63</sup> Pendidikan Islam terus berkembang dengan pesat melalui pondok, madrasah dan sekolah agama.

<sup>60</sup> Hassan Langgulung (1980), *Beberapa Pemikiran Tentang Pendidikan Islam*. Bandung: Al Ma’arif

<sup>61</sup> Mashitah Sulaiman (2013), “Islam Dan Tranformasi Sosial Masyarakat Melayu Malaysia: Suatu Kajian Eksploratori”, *Proceeding Of The International Conference On Social Science Research*, 4-5 Jun 2013, Penang, H. 785

<sup>62</sup>Tamuri, Ab. Halim Et. Al (2009), “Nilai, Amalan, Dan Sistem Pendidikan Masyarakat Melayu Islam Selepas Penjajahan Barat Hingga Kini”, *Peradaban Arab-Islam Dan Masyarakat Melayu. Jabatan Pengajian Arab Dan Tamadun Islam*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia

<sup>63</sup> Ibid.

Pendidikan Islam diajar kepada segenap lapisan masyarakat. Bahasa Melayu diangkat menjadi medium pengajaran dan tulisan jawi diperkenalkan dengan mengambil huruf-huruf Arab sebagai asas. Patani dan Riau-Lingga menjadi pusat penyebaran ilmu Islam dengan lahir cendikiawan dan ulama yang berterusan menyebarkan agama Islam dan meniup roh jihad melawan penjajah.<sup>64</sup> Malah lebih ramai anak muda mula menuntut di luar negara Universiti al-Azhar dan kembali sebagai agen perubahan masyarakat menuju Islamisasi yang syumul. Pengaruh Ikhwan al-Muslimin pimpinan Hasan al-Banna semakin dirasai di Tanah Melayu yang semakin menyemarakkan semangat jihad melawan imperialis Barat. Hasilnya, tekanan demi tekanan dikenakan oleh penjajah ke atas umat Islam untuk menyekat perkembangan ini. Para aktivis dipenjara, parti dan gerakan Islam seperti Hizbul Muslimin diharamkan. Kendatipun tekanan demi tekanan diberikan, semangat Islam tidak pernah berakhir dan British berterusan didesak untuk mempertahankan hak Melayu Islam sentiasa dipelihara. Selepas kemerdekaan, desakan ini menampakkan hasil apabila Perkara (3) iaitu ‘Islam ialah agama bagi persekutuan’ dimasukkan dalam perlembagaan.

#### Islamisasi Pada Era 70-an

Zaman pasca-kemerdekaan terutamanya era 1970-an menunjukkan perubahan ketara dalam proses Islamisasi masyarakat. Sekiranya sebelum merdeka perjuangan Melayu Islam lebih bersifat perjuangan membebaskan negara daripada cengkaman pemerintah, selepas merdeka pula menyaksikan Islamisasi masyarakat yang bersifat menyeluruh.<sup>65</sup> Dalam konteks pentadbiran, proses Islamisasi tampak jelas dalam dasar-dasar pentadbiran kerajaan yang diperkenalkan sepanjang 1970-2009. Pembangunan Islam dalam tahun 1970 dikaitkan dengan penglibatan Tun Dr Mahathir Mohamed dalam arena politik Malaysia.<sup>66</sup> Pada waktu pemerintahan beliau banyak dasar-dasar bercirikan Islam yang diperkenalkan. Antaranya Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam, penubuhan badan-badan Islam seperti IKIM, YAPEIM, YADIM dan lain-lain. Dasar luar yang diterapkan semasa pemerintahan beliau juga lebih progresif ke arah Islamisasi apabila pada tahun 1983, Tun Dr Mahathir mengisyiharkan tiada hubungan yang lebih penting daripada hubungan dengan negara Islam baik hubungan dengan negara ASEAN, negara Commonwealth mahupun negara Pakatan Tidak Bersekutu (NAM).<sup>67</sup> Pada tahun 2001, Tun Dr Mahathir dalam ucapannya pada Majlis Perasmian Persidangan Perwakilan ke-30 Parti Gerakan Malaysia telah mengisyiharkan Malaysia sebagai negara Islam. Pengisyiharan

<sup>64</sup> Mashitah Sulaiman (2013), *Op. Cit.*, H. 784

<sup>65</sup> Ibid, H. 787

<sup>66</sup> Ibid, H. 791

<sup>67</sup> Ibid, H. 794

ini dilihat sebagai kemuncak Islamisasi negara pada era beliau setelah beliau mempersiapkan pelbagai dasar pro-islam sepanjang pemerintahan beliau.<sup>68</sup>

Usaha ini diteruskan oleh pengganti beliau iaitu Tun Abdullah Badawi yang memperkenalkan konsep Islam Hadhari<sup>69</sup> dalam pemerintahan beliau. Konsep Islam Hadhari yang berteraskan ‘idea progresif Islam’ menjelaskan lagi polisi kerajaan dalam konteks Islamisasi negara. Meskipun menghadapi pelbagai reaksi, konsep Islam Hadhari menjadi teras satu dasar nasional yang dilaksanakan dalam pentadbiran beliau.<sup>70</sup> Konsep Islam Hadhari turut dikaitkan dengan pendekatan baharu kerajaan Malaysia untuk menangani situasi pasca era kebangkitan Islam yang menyaksikan umat Islam berhadapan dengan asakan agenda globalisasi tajaan Barat.<sup>71</sup> Hasrat ini juga diterjemahkan dalam program pembangunan insan terutamanya bagi kaki tangan kerajaan dengan penerapan nilai-nilai Islam dalam program latihan yang dikendalikan oleh INTAN yang diperkuuhkan dengan bantuan beberapa sarjana Melayu-Islam ternama seperti Kamal Hassan, Syed Naquib al-‘Attas, Wan Mohd Nor Wan Daud dan lain-lain.<sup>72</sup> Aspek pembangunan insan menjadi teras utama dalam melahirkan masyarakat yang intelek, berkemahiran dan bersikap murni. Hal ini boleh dilihat secara tersirat dalam gagasan Islam Hadhari.<sup>73</sup>

Manakala dalam arena pendidikan, benih-benih awal Islamisasi di zaman pra-kemerdekaan mula mencambahkan hasil apabila Tun Abdul Razak memasukkan pelajaran agama, moral dan etika ke dalam sistem pendidikan persekutuan.<sup>74</sup> Usaha ini berlanjutan melalui Laporan Penyata Ahmad Talib pada 1961 yang menyatakan pelajaran agama diwajibkan ke atas semua murid beragama Islam di peringkat sekolah rendah dan menengah. Semenjak itu usaha perkembangan sistem pendidikan Islam terus berjalan di semua peringkat sehingga peringkat tinggi contohnya penubuhan Fakulti Pengajian Islam bersama penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia pada 1970, penubuhan Akademi Pengajian Islam di Universiti Malaya pada 1981, penubuhan

<sup>68</sup> Mohd Syakir Mohd Rosdi Et. Al (2016), “Declaration Of Malaysia As An Islamic State In The Era Tun Dr Mahathir Mohamad’s Governance: Implications Towards Political Economics In Islamic Ways”, *International Journal Of Management And Economics Invention*, Jil. 2, Bil. 3, H. 566

<sup>69</sup> Islam Hadhari Ialah Satu Konsep Yang Diasaskan Pada Pemerintahan Tun Abdullah Hj Ahmad Badawi. Konsep Ini Diperkenalkan Sebagai Suatu Pendekatan Untuk Membangun Ummah Dan Negara Berdasarkan Perspektif Tamadun Islam. Islam Hadhari Berdiri Di Atas Lima Rasional Utama Iaitu; I)Islam Sebagai Agama Persekutuan, II) Kesinambungan Kepada Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam, III) Pendekatan Islam Hadhari Sebagai Pemacu Wawasan 2020, IV) Menjadikan Islam Sebagai Penyelesaian Cabaran Semasa Dan V)Merealisasikan Islam Sebagai Agama Yang Dapat Memberikan Rahmat Kepada Alam Sejagat. Sumber: Garis Panduan Pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari Di Agensi-Agenzi Kerajaan, [Https://www.jpnin.gov.my/sites/default/files/Islam%20hadhari.pdf](https://www.jpnin.gov.my/sites/default/files/Islam%20hadhari.pdf)

<sup>70</sup> Mashitah Sulaiman (2013), *Op. Cit.*, H. 794

<sup>71</sup> Mohamad Kamil Abd Majid Et. Al (2013), “Pembangunan Modal Insan Di Malaysia: Analisis Terhadap Pendekatan Islam Selepas Negara Merdeka”, *Jurnal Hadhari*, Jil. 6, Bil. 2, H. 18

<sup>72</sup> Ibid, H. 25

<sup>73</sup> Ibid.

<sup>74</sup> Tamuri, Ab. Halim Et. Al (2009), *Op. Cit.*

Universiti Islam Antarabangsa pada 1983 dan banyak lagi.<sup>75</sup> Kursus agama Islam dijadikan salah satu kursus teras bagi semua pelajar Islam di universiti-universiti misalnya Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Teknologi Mara. Manakala pihak Agensi Kualiti Malaysia pula mewajibkan kursus agama sebagai kursus teras yang wajib diambil oleh pelajar Islam di institut pengajian tinggi swasta.<sup>76</sup>

## SYED MUHAMMAD NAQUIB AL-ATTAS

Syed Muhammad Naquib al-‘Attas ialah seorang tokoh yang tidak asing lagi dalam dunia akademik nusantara. Malah tidaklah keterlaluan sekiranya beliau dikatakan seorang tokoh yang disegani di pentas antarabangsa. Syed Muhammad Naquib al-‘Attas (selanjutnya al-Attas) dilahirkan di Bogor, Indonesia pada 5 September 1931.<sup>77</sup> Keturunan beliau dikesan sehingga sampai kepada keluarga Ba’lawi yang merupakan cabang keturunan Rasulullah SAW mengikut susur galur Saidina Husayn bin Ali RA yang berasal daripada Yaman. Keluarga beliau telah berhijrah ke Nusantara pada awal kurun ke-20. Walau bagaimanapun kebanyakan masa kehidupan, pendidikan dan kerjaya beliau adalah di negara Malaysia. Beliau mendapat pendidikan awal daripada keluarganya dalam pendidikan Islam di Bogor, Indonesia sebelum meneruskan pelajaran di Universiti Malaya pada peringkat sarjana muda dan seterusnya memperolehi ijazah sarjana daripada McGill University, Kanada. Seterusnya beliau mem[erolehi ijazah doktor falsafah daripada Universiti of London dengan tesis dua jilid yang bertajuk *The Mysticism of Hamzah Fansuri*. Sekembalinya beliau ke Malaysia, beliau berkhidmat sebagai pensyarah dan dekan di Fakulti Sastera Universiti Malaya. Seterusnya beliau berkhidmat di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebelum menjawat jawatan profesor di Universiti Islam Antarabangsa (UIA) pada tahun 1987. Beliau membawa visi untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai medium pengajaran di peringkat pendidikan tinggi, di samping mengintegrasikan pendidikan Islam supaya peranan Islam dalam pembentukan budaya, bahasa dan kesusastraan Melayu dapat dikaji dengan lebih mendalam.<sup>78</sup> Beliau juga merupakan pengasas dan pengarah International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC), Kuala Lumpur. Bidang kepakaran beliau merangkumi ilmu sastera Melayu Islam, falsafah, pemikiran Islam, tasawuf dan pelbagai lapangan berkaitan.

<sup>75</sup> Ibid.

<sup>76</sup> Ibid.

<sup>77</sup> Muhammad Azizan Sabjan (2014), “Syed Muhammad Naquib Al-Attas’ Contributions To Malay World Studies: An Appraisal”, *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, Bil. 1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, H. 61

<sup>78</sup> Adi Setia (2003), “Al-‘Attas’s Philosophy On Science: An Extended Outline”, *Islam And Science*, Jil. 1, H. 166

## PUNCA KEROSAKAN UMAT ISLAM

Dalam karya beliau ada menyebutkan secara panjang lebar punca kerosakan masyarakat hari ini ialah kerancuan kerangka epistemologi yang berteraskan roh sekular.<sup>79</sup> Kerangka yang rosak ini malangnya diambil oleh umat Islam dengan kononnya inilah semangat kemodenan yang diimpikan. Pandangan yang sama juga dikongsi oleh kebanyakan tokoh-tokoh pemikir Islam yang lain. Dunia Islam yang sememangnya telah melalui episod penjajahan demi penjajahan kini mula tercari-cari jalan keluar daripada kemelut yang melanda mereka. Barat melalui proses kolonisasi dunia Islam berjaya memporak perandakan masyarakat Islam dari semua segi termasuklah politik, ekonomi, sosial dan bidang keilmuan sendiri.<sup>80</sup> Malah keadaan ini menjadi lebih teruk pasca September 2001 apabila Islam ditekan dan dipersoal dari segenap arah. Islam sering dikaitkan dengan terrorisme, ektrimis dan pencabulan hak-hak wanita.<sup>81</sup> Ini menjadikan masyarakat Islam lebih tertekan dan mahu mencari jalan keluar bagi menunjukkan bahawa mereka boleh berdiri sama tinggi dengan Barat yang dilihat seolah-olah begitu gah di mata mereka. Oleh itu mereka mengambil cara Barat untuk diaplikasikan dalam kehidupan mereka, dari segi politik, ekonomi dan lain-lain. Mereka memilih untuk ‘membaratkan’ kehidupan mereka yang sememangnya berbeza matlamat, tujuan dan metodologi berbanding Islam.<sup>82</sup> Dengan situasi demikian racun-racun sekularisme akhirnya dapat disebarluaskan ke dalam masyarakat Islam. Dalam keghairahan untuk bangkit dalam pelbagai bidang khususnya keilmuan, segelintir tokoh keilmuan Islam yang begitu teruja dengan sistem Barat menyebarkan corak pemikiran Barat kepada masyarakat sekaligus mengabaikan nilai dan corak yang diajarkan oleh Islam.<sup>83</sup>

Gagasan Islamisasi Ilmu al-Attas

Sebagai solusi kepada masalah ini, al-Attas memperkenalkan gagasan Islamisasi ilmu dengan maksud berikut<sup>84</sup>:

*“Islamization is the liberation of man first from magical, mythological, animistic, national-cultural tradition opposed to Islam and then from secular, control over his reason and his language.”*

Dalam muqaddimah karya agungnya *Prolegomena to the Metaphysics of Islam* beliau menegaskan ilmu (*knowledge*) bukanlah produk daripada akal

<sup>79</sup> Syed Muhammad Naquib Al-Attas (2014), *Risalah Untuk Kaum Muslimin*, Kuala Lumpur: Ibfim

<sup>80</sup> Ismail Raji Al-Faruqi (1982), *Islamization Of Knowledge: General Principles And Workplan*, International Institute Of Islamic Thought, H. 3

<sup>81</sup> John L. Esposito (2003), *Modernizing Islam, Religion In The Public Sphere In Europe And The Middle East*, London: C. Hurst & Co., H. 1

<sup>82</sup> Ismail Raji Al-Faruqi (1982), *Op. Cit.*, H. 4

<sup>83</sup> Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1993), *Islam And Secularism*, Kuala Lumpur: International Institute Of Islamic Thought And Civilization (Istac), Cetakan Kedua, H. 15

<sup>84</sup> *Ibid* , H. 182

manusia semata yang berdasarkan eksperimen dan pengalaman manusia tetapi ianya memerlukan panduan dan pentashihan daripada sumber yang utama iaitu wahyu (*revealed knowledge*). Oleh itu amat penting bagi umat Islam untuk memahami asas pandang alam (*worldview*) Islam bagi mencapai maksud sebenar ilmu pengetahuan. Berbeza dengan Barat, Islam tidak mengkhususkan satu-satu metod tertentu seperti idealisme, pragmatisme, positivisme dan lain-lain untuk mencapai ilmu yang mengakibatkan nilai sebenar ilmu tersasar daripada kebenaran. Tetapi Islam adalah berasaskan metod *Tawhidik* yang menggabungkan pelbagai metod tanpa terikat dengan mana-mana metodologi dan penjenamaan seperti yang dilakukan oleh Barat.<sup>85</sup>

Al-Attas menerangkan bahawasanya untuk kembali kepada sistem ilmu tawhidik ini manusia perlu kembali kepada fitrahnya iaitu bebas dari sudut spiritual yang seterusnya akan membawa kepada kebebasan fizikal. Pembebasan ini juga membawa erti bebas jiwa daripada segala tuntutan nafsu yang sebenarnya hanya akan menyalimi fitrah kesucian jiwa. Kebebasan yang paling sempurna ialah seperti mana yang ditonjolkan oleh baginda Rasulullah SAW sebagai manusia bebas yang dibentuk mengikut petunjuk Ilahi. Seterusnya beliau mensyarahkan frasa seterusnya iaitu ‘*magical, mythological, animistic, national-cultural tradition opposed to Islam*’ dengan menerangkan keadaan semenanjung Melayu sebelum Islam yang dikuasai oleh kepercayaan Hindu dan Buddha. Walau bagaimanapun pengaruh Hindu Buddha yang bersifat estatik ke atas Semenanjung Tanah Melayu hanya terhad kepada kebudayaan bukannya dalam konteks episemologi dan rasional. Oleh itu pengaruh Hindu dan Buddha tidak meluas dalam kerangka pemikiran dan logik masyarakat semenanjung Tanah Melayu. Beliau seterusnya menyatakan tiga peringkat Islamisasi di kepulauan Melayu<sup>86</sup>:

Sekitar tahun 578-805H/1200-1400M di mana fiqh memainkan peranan penting dalam proses pengislaman Tanah Melayu. Pada ketika itu masyarakat memeluk Islam dengan mengamalkan ibadah-ibadah yang dituntut manakala konsep Tauhid secara ilmiah masih agak belum dapat digarap sebaiknya sebaliknya pengaruh kepercayaan lama masih membayangi pemikiran masyarakat. Pengislaman ketika itu juga boleh dikatakan pengismalan secara ‘jasmani’.

Sekitar tahun 803-1112H/1400-1700M di mana proses Islamisasi berterusan dengan peranan tasawwuf dan ilmu kalam mengambil alih peranan utama dalam pembentukan pemikiran masyarakat. Pada zaman ini penulisan kaum sufi dan *mutakallimun* memainkan peranan penting dalam apa yang digelar sebagai pengislaman ‘jiwa’.

<sup>85</sup> Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1995), *Prolegomena To The Metaphysics Of Islam*, Kuala Lumpur: Istac, H. Iii-3

<sup>86</sup> Ibid, H. 70

Dari tahun 1112H/1700M sehingga kini (penulisan beliau) di mana proses Islamisasi berterusan namun berhadapan dengan pengaruh kebudayaan Barat sebagai kuasa imperial. Fasa 1 dan 2 dianggap telah berjaya dilaksanakan namun masyarakat berhadapan dengan cabaran pemikiran barat yang melambangkan roh rasionalistik, individualistik dan internasionalistik yang sebenarnya sudah pun dipelopori oleh Islam sebelumnya.

Proses Islamisasi seperti mana yang dinyatakan di atas telah berlangsung di Malaysia untuk tempoh yang agak lama. Berlandaskan pernyataan al-Attas, masyarakat Islam di Malaysia boleh dikatakan sedang berada dalam proses Islamisasi fasa ketiga. Fasa pertama dan kedua telah berjaya diharungi dan mula menampakkan hasil dan kini masyarakat berdepan dengan fasa ketiga iaitu menghadapi cabaran daripada pembaratan (*westernization*) hasil daripada penjajahan Portugis, Belanda dan British ke atas Tanah Melayu. Masyarakat Melayu yang telah melalui dua fasa sebelumnya telah menjadi bangsa yang amat sinonim dengan Islam dari sudut budaya, cara hidup dan undang-undang.

Dalam bab yang bertajuk “*On Islamization: The Case of The Malay-Indonesian Archipelago*”<sup>87</sup> al-Attas menyatakan proses Islamisasi yang telah dijalankan bagi membuang unsur-unsur animistik yang berpunca dari fahaman Hinduism yang bertapak lama di Kepulauan Melayu menghadapi cabaran baharu melalui benih-benih sekular yang dibawa oleh Barat yang berselindung di sebalik alasan untuk memodenkan masyarakat. Dari sudut pandang yang lain ianya berjaya mengukuhkan lagi usaha mengenyah unsur animistik di kalangan masyarakat. Namun begitu proses ‘pemodenan’ ini membawa kesan yang lebih buruk iaitu penanaman unsur sekular dalam pemikiran masyarakat.<sup>88</sup> Dasar *imperialisme* yang diamalkan oleh kuasa Barat telah menyebabkan pendidikan berkenaan Islam menjadi lemah dan diabaikan di dunia Islam. Prejudis terhadap Islam menjadikan mereka bertindak memisahkan Islam daripada kehidupan masyarakat, sepetimana yang dilakukan oleh British dan Belanda di Nusantara.<sup>89</sup> Untuk melaksanakan Islamisasi ilmu secara berkesan, semangat pemodenan Barat yang bersifat rasional boleh digunakan kerana ia berhasil membuang unsur-unsur mistik dan animisme dalam masyarakat; selagi ia tidak melanggar rasional (logika) Islam yang telah bertapak semasa dalam fasa kedua. Beliau menegaskan:

*“It is only the perpetuation of the ‘rationalistic spirit’, whose philosophical foundation had been laid by Islam long before,*

---

<sup>87</sup> Ibid, h. 182

<sup>88</sup> Ibid.

<sup>89</sup> Ibid.

*that can be considered as a continuation of the process of  
islamization.*<sup>90</sup>

Inilah yang dimaksudkan oleh al-Attas dalam frasa ‘*and then from secular, control over his reason and his language*’. Unsur sekular yang mempromosikan pemikiran *rasionalistik* mengikut metodologi Barat semata-mata tidak oleh berada selari dengan Islam sekalipun Islam menghargai rasional kerana akhirnya ia hanya akan membawa natijah yang bersifat sekular.<sup>91</sup> Oleh itu proses Islamisasi ilmu mestalah merangkumi pengeyahuan unsur sekular yang dibawa oleh Barat. Al-Attas juga menekankan kepentingan Islamisasi bahasa dalam proses Islamisasi ilmu. Menurutnya, bahasa sangat berkait dengan pemikiran dan kebudayaan yang akan mempengaruhi pandang alam (*worldview*) seseorang. Ini dapat dilihat dalam situasi bahasa Arab yang menjadi bahasa al-Quran yang berjaya membentuk *worldview* masyarakat Arab ke arah Islam.<sup>92</sup> Keadaan bahasa Arab yang tidak seragam sebelumnya berubah menjadi bahasa yang menjadi sumber rujukan utama, terpelihara dan kekal relevan menjadi bukti Islamisasi ilmu tidak mungkin dapat dicapai tanpa Islamisasi bahasa. Apabila bahasa Arab dipilih sebagai bahasa al-Quran, ianya menjadi satu bahasa yang mengatasi bahasa lain seperti Irano-Parsi dan Graeco-Roman. Ini kerana menurutnya, tidak seperti mana agama lain, Islam adalah agama yang bersifat saintifik dan penuh kesasteraan (*literary*).<sup>93</sup> Ini membuatkan bahasa Arab menjadi satu bahasa yang penuh dengan unsur rasional dan saintifik. Menariknya, al-Attas mengiaskan hubungan bahasa Arab-Irano-Parsi-Graeco-Roman dengan bahasa Melayu-Jawa Tua (*Old Javanese*) di kepulauan Tanah Melayu. Sebelum kedatangan Islam, medium perantaraan utama bagi kepercayaan Hindu/Buddha ialah bahasa Jawa Tua. Seperti mana bahasa Irano-Parsi dan Graeco-Roman, bahasa Jawa Tua yang lebih kaya dengan penambahan istilah-istilah mistik, falsafah, metafisik Hindu membuatkan intipati Islam sukar digrap dengan sepenuhnya apabila digunakan untuk memahami agama Islam.<sup>94</sup> Bahasa Melayu sebaliknya mengalami revolusi dengan kedatangan Islam dan menjadi medium utama penyebaran Islam ke seluruh kepulauan Melayu. Meskipun bahasa Melayu menerima banyak pengaruh bahasa asing seperti Arab dan Parsi, ianya terus berkembang dan diangkat menggantikan bahasa Jawa Tua sebagai bahasa utama di kepulauan Melayu. Malahan tidaklah keterlaluan sekiranya dikatakan bahawa bahasa Melayu menikmati permulaan perkembangannya intelektual dan rasionalisme di zaman kedatangan Islam. Ini dapat dibuktikan dengan kemunculan karya-karya intelektual termasuk penterjemahan *Tafsir al-Baydawi* yang sarat dengan ilmu kalam, rasional dan falsafah ditulis pada zaman itu.<sup>95</sup>

<sup>90</sup> Ibid, H. 183

<sup>91</sup> Ibid.

<sup>92</sup> Ibid, H. 46

<sup>93</sup> Ibid, H. 176

<sup>94</sup> Ibid, H. 177

<sup>95</sup> Ibid.

## TINJAUAN TERHADAP HASIL ISLAMISASI DI MALAYSIA

Melihat kepada respon dan reaksi pelbagai pihak terhadap proses Islamisasi di Malaysia, boleh dikatakan gagasan Islamisasi al-Attas mula menampakkan hasil. Dalam gagasannya, al-Attas secara tuntas menyatakan unsur sekular mesti diasingkan. Proses Islamisasi di Malaysia mengundang pelbagai reaksi yang negatif daripada masyarakat bukan Islam. Antara kebimbangan yang diutarakan ialah berkenaan isu negara Islam, nilai sejagat, kebebasan beragama dan undang-undang. Contohnya Lee Ban Cheng dalam penulisannya yang bertajuk Sejarah Sebagai Hakim Muktamad menyatakan kembimbangan terhadap proses Islamisasi yang akan diperlumbakan oleh UMNO dan PAS. Beliau juga secara terang menyatakan umat Islam akan menjadi maju selari dengan peredaran masa hanya sekiranya mereka mengamalkan prinsip yang diperkenalkan oleh Jaringan Islam Liberal (JIL).<sup>96</sup> Ada juga pandangan yang beranggapan proses Islamisasi yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia sebagai usaha menyekat orang-orang Melayu yang berfikiran lebih liberal dan terbuka. Selain itu Lim Kit Siang juga pernah mempersoalkan status negara Malaysia sebagai sebuah negara Islam kerana menurutnya Malaysia adalah negara sekular yang menjadikan Islam agama rasmi.<sup>97</sup> Reaksi sedemikian menunjukkan bahawa usaha mengenyahkan unsur sekular dalam kehidupan sedikit sebanyak dirasai oleh masyarakat khususnya yang mendukung idea sekularisme. Langkah kerajaan Malaysia untuk mewajibkan pembelajaran ilmu Fardhu ‘Ain bagi semua peringkat pelajar Islam di Malaysia juga adalah bertepatan dengan gagasan Islamisasi ilmu al-Attas.<sup>98</sup> Begitu juga dengan penerapan nilai-nilai Islam dalam pelbagai sektor pentadbiran, kewangan, pendidikan dan pembangunan terutamanya pada era pasca-1970.

Walau bagaimanapun, proses Islamisasi ini tidak boleh dikatakan berjaya sepenuhnya. Masih kelihatan beberapa kelompongan yang sentiasa bertindak untuk merencatkan proses gagasan Islamisasi di Malaysia. Antaranya masih terdapat segelintir ahli akademik Islam yang tidak menghargai atau tidak memahami kepentingan proses Islamisasi ilmu di peringkat tinggi. Hal ini kerana mereka beranggapan Islamisasi ilmu pengetahuan hanyalah memasukkan ilmu Islam ke dalam kerangka pemikiran akademik mengikut acuan barat. Hasilnya lahir label ‘Islam’ dan ‘Syariah’ yang terasing daripada sesuatu bidang ilmu.<sup>99</sup> Antara fenomena yang dapat dilihat ialah kemunculan bidang-bidang pengajian seperti ekonomi Islam yang dilihat hanya bertindak sebagai memenuhi kehendak pasaran para graduan dalam dunia ekonomi yang

<sup>96</sup> Abdul Rahman Mahmood Et. Al (2009), “Penerimaan Bukan Islam Terhadap Proses Islamisasi Di Malaysia”, *Jurnal Hadhari*, Jil. 2, H. 39

<sup>97</sup> Ibid, H. 39

<sup>98</sup> Noor Hisham Mad Nawi (2011), “Pengajaran Dan Pembelajaran; Penelitian Semua Konsep-Konsep Asas Menurut Perspektif Gagasan Islamisasi Ilmu Moden”, Kongres Pengajaran Dan Pembelajaran Ukm 2011 , 18 - 20 Disember 2011, Hotel Vistana Pulau Pinang

<sup>99</sup> Muhyarsyah (2014), “Islamisasi Ilmu Pengetahuan Di Perguruan Tinggi”, *Islamisasi Pembangunan*, Medan: Umsu Press, H. 23

sedang berkembang. Akhirnya roh Islam dalam bidang ekonomi bergeser dengan kepentingan politik, ekonomi dan sosial sesebuah masyarakat sedangkan asas Islamisasi ekonomi ialah mengembalikan kefahaman dan pengamalan ekonomi dalam kerangka yang intelektual yang memihak kepada kebenaran dan mengimplimenterkannya untuk kepentingan seluruh umat manusia.<sup>100</sup> Selain itu menurut Prof Dato' Dr Mohd Yusof Othman, Pengarah Institut Hadhari dan profesor fizik UKM, ramai ahli akademik dalam bidang sains tidak berminat untuk membuat penyelidikan yang menjurus ke arah Islamisasi sains atau sains yang menjurus ke arah Islam kerana dirasakan tidak mampu melonjakkan merit dan kualiti akademik mereka.<sup>101</sup> Hal ini menunjukkan semangat Islamisasi masih belum dapat ditanam sepenuhnya dalam jiwa ramai ahli akademik negara yang merupakan tulang belakang arena pendidikan.

Begitu juga dengan kemunculan beberapa individu di Malaysia yang kian rancak mempromosikan agenda liberal dan sekular yang jelas bertentangan dengan nilai-nilai Islam seperti Farouk A. Peru<sup>i</sup>, Zurairi Abdul Rahman<sup>102</sup>, Siti Kassim<sup>103</sup> dan lain-lain. Mereka secara terang-terangan mempromosikan fahaman sekular dan liberal dan semakin mendapat tempat di kalangan masyarakat sebagai kolumnis, penulis, ahli panel dan lain-lain. Fenomena ini menunjukkan gagasan Islamisasi Ilmu al-Attas jelas masih belum dapat disempurnakan dan digarap oleh semua lapisan masyarakat dengan baik. Lebih malang ianya datang daripada masyarakat Melayu Islam yang berstatus warganegara Malaysia sendiri. Selain itu kemunculan Sisters in Islam sebagai gerakan yang mendukung idea feminism dan liberalism nyata bertentangan dengan wawasan dunia Islam al-Attas. Al-Attas mendefinisikan dunia Islam sebagai satu dunia yang telah menjalani proses Islamisasi dengan mapan dan berkesan. Beliau menyebutkan:

*"A truly islamicized world is a world disenchanted or deprived first of its magical, mythological, animistic, national and cultural tradition opposed to Islam and then its secular meaning; a world in which political power and authority - other than that of God and His Prophet and of those who follow His*

---

<sup>100</sup> Ibid.

<sup>101</sup> Ucaptama Prof Dato Dr Mohd Yusof Othman Di *Regional Convention Of Islamic Studies* (Rcis) 2016 Anjuran Kolej Universiti Islam Melaka (Kuim) Bertempat Di Dewan Konvensyen Utama Holiday Inn, Melaka Pada 10 November 2016.

<sup>102</sup> Juga Merupakan Kolumnis Portal Tmi Yang Sarat Dengan Kontroversi. Beliau Adalah Pemilik Blog Coffee Conversation ([Www.Zurairi.Com](http://Www.Zurairi.Com)). Antara Pendapat Beliau Yang Kontroversi Ialah Sokongannya Terhadap Lgbt (<Http://Zurairi.Com/2012/04/It-Is-Homophobia-That-Is-Unnatural/>) Selain Gemar Menghentam Institusi Agama Malaysia Dalam Pelbagai Isu.

<sup>103</sup> Nama Penuh Beliau Siti Zabedah Kassim. Menjawat Jawatan Sebagai Timbalan Bersama Pengerusi Jawatankuasa Orang Asli Badan Peguam Malaysia. Mula Mencetuskan Kontroversi Ketika Bertindak Liar Dalam Forum Berkennaan Hudud. Beliau Mengakui Beliau Seorang Muslim Namun Tidak Memperakui Islam Yang Diamalkan Majoriti. Baginya Arahan Pemakaian Tudung Tidak Ada Dalam Al-Quran, Selain Mendakwa Tuhan Terhasil Daripada 'Getaran'. (<Http://Www.Themalaymailonline.Com/Malaysia/Article/10-Things-About-Siti-Kasim-Lawyer-And-Activist#Bypbamurcfq1kev9.97>).

*Prophet - has been desacralized; a world in which all values - other than those of Islam and the truth as partially found in the great world religious and the good in man and his society according to Islam - have been deconsecrated;*<sup>104</sup>

Untuk mencapai wawasan dunia Islam yang sebenar menurut al-Attas, sesebuah negara itu mestilah melalui beberapa siri proses Islamisasi yang menyeluruh. Pihak berwajib khususnya pemerintah perlu memainkan peranan utama dalam menjayakan usaha ini. sehingga kini pimpinan negara telah menjalankan usaha ini dengan baik. Walaupun usaha ini telah berjaya dijalankan semenjak kemerdekaan secara berperingkat, ianya masih belum dapat disempurnakan dengan menyeluruh. Pihak pemerintah tanpa mengira latar belakang parti politik perlu tegas dalam mempertahankan asas-asas islam sebagai teras negara seperti yang telah ditanamkan oleh generasi terdahulu daripada terus didesak dan dicabar oleh agenda-agenda asing. Institusi agama seperti institusi fatwa dan jabatan agama Islam negeri perlu diperkasakan agar ianya terus dihormati dan menduduki tempat yang rapat dengan masyarakat. Selain itu ahli akademik juga memainkan peranan yang cukup besar kerana mereka adalah tonggak kepada sistem pendidikan sesebuah negara. Seharusnya semangat Islamisasi ini dihayati oleh mereka khususnya ahli akademik Melayu Islam dari pelbagai bidang keilmuan. Hanya dengan melalui proses Islamisasi ilmu boleh merealisasikan kesepadan ilmu duniawi dan ukhrawi seperti yang disebutkan oleh Ismail Raji al-Faruqi uang akhirnya membolehkan Islam bergerak seiring dengan arus modenisasi dan pembangunan.<sup>105</sup>

## KESIMPULAN

Proses Islamisasi telah berjalan di Tanah Melayu semenjak awal penubuhannya lagi. Proses ini diperkuahkan lagi oleh pihak kerajaan dan pelbagai pihak khususnya pada era 1970-an sehingga kini. Keseluruhan proses ini dilihat selari dengan gagasan Islamisasi ilmu menurut al-Attas dan ianya seakan telah membawa hasil pada hari ini. Namun ianya masih mendapat kekangan daripada beberapa pihak yang mendukung fahaman sekularisme dan liberalisme. Ini dapat dibuktikan beberapa pihak cuba untuk mengangkat fahaman-fahaman berteraskan sekularisme ke dalam masyarakat dalam pelbagai aspek dan mencabar kedudukan Islam sebagai teras negara. Lebih memalukan kelompok ini adalah terdiri daripada golongan bangsa Melayu itu sendiri. Walau bagaimanapun, usaha ini perlu terus dijalankan dan dipertahankan oleh semua pihak khususnya pemerintah Islam tanpa mengora latar belakang politik demi mencapai sebuah negara Islam yang hakiki.

<sup>104</sup> Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1993), *Op. Cit*, H. 183

<sup>105</sup> Ismail Raji Al-Faruqi (1982), *Op. Cit*, H. 38

## BIBLIOGRAFI

- Abdul Rahman Mahmood Et. Al (2009), “Penerimaan Bukan Islam Terhadap Proses Islamisasi Di Malaysia”, *Jurnal Hadhari*, Jil. 2
- Adi Setia (2003), “Al-‘Attas’s Philosophy On Science: An Extended Outline”, *Islam And Science*, Jil. 1
- Hassan Langgulung (1980), *Beberapa Pemikiran Tentang Pendidikan Islam*. Bandung: Al-Ma’arif
- Ismail Raji Al-Faruqi (1982), *Islamization Of Knowledge: General Principles And Workplan*, Internationan Institute Of Islamic Thought
- John L. Esposito (2003), *Modernizing Islam, Religion In The Public Sphere In Europe And The Middle East*, London: C. Hurst & Co
- Mashitah Sulaiman (2013), “Islam Dan Tranformasi Sosial Masyarakat Melayu Malaysia: Suatu Kajian Eksploratori”, *Proceeding Of The International Conference On Social Science Research*, 4-5 Jun 2013, Penang
- Mohamad Kamil Abd Majid Et. Al (2013), “Pembangunan Modal Insan Di Malaysia: Analisis Terhadap Pendekatan Islam Selepas Negara Merdeka”, *Jurnal Hadhari*, Jil. 6, Bil. 2
- Mohd Syakir Mohd Rosdi Et. Al (2016), “Declaration Of Malaysia As An Islamic State In The Era Tun Dr Mahathir Mohamad’s Governance: Implications Towards Political Economics In Islamic Ways”, *International Journal Of Management And Economics Invention*, Jil. 2, Bil. 2
- Muhammad Azizan Sabjan (2014), “Syed Muhammad Naquib Al-Attas’ Contributions To Malay World Studies: An Appraisal”, *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, Bil. 1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Muhyarsyah (2014), “Islamisasi Ilmu Pengetahuan Di Perguruan Tinggi”, *Islamisasi Pembangunan*, Medan: Umsu Press
- Noor Hisham Mad Nawi (2011), “Pengajaran Dan Pembelajaran; Penelitian Semua Konsep-Konsep Asas Menurut Perspektif Gagasan Islamisasi Ilmu Moden”, Kongres Pengajaran Dan Pembelajaran Ukm 2011 , 18 - 20 Disember 2011, Hotel Vistana Pulau Pinang

Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1993), *Islam And Secularism*, Kuala Lumpur: International Institute Of Islamic Thought And Civilazation (Istac)

Syed Muhammad Naquib Al-Attas (2002), \_\_\_\_\_, Delhi: New Crescent Publissing Co

Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1995), *Prolegomena To The Metaphysics Of Islam*, Kuala Lumpur: Istac

Syed Muhammad Naquib Al-Attas (2014), *Risalah Untuk Kaum Muslimin*, Kuala Lumpur: Ibfim

Tamuri, Ab. Halim Et. Al (2009), “Nilai, Amalan, Dan Sistem Pendidikan Masyarakat Melayu Islam Selepas Penjajahan Barat Hingga Kini”, *Peradaban Arab-Islam Dan Masyarakat Melayu*. Jabatan Pengajian Arab Dan Tamadun Islam, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia

10 Things About Siti Kasim Lawyer And Activist  
[Http://Www.Themalaymailonline.Com/Malaysia/Article/10-Things-About-Siti-Kasim-Lawyer-And-Activist#Bypbamurcfq1kev9.97](http://Www.Themalaymailonline.Com/Malaysia/Article/10-Things-About-Siti-Kasim-Lawyer-And-Activist#Bypbamurcfq1kev9.97)

An Interview With Farouk A Peru <Https://In-Sightjournal.Com/2016/04/22/An-Interview-With-Farouk-A-Peru/>

Coffee Conversation [www.zurairi.com](http://www.zurairi.com)

Quranology Blog [www.quranology.wordpress.com](http://www.quranology.wordpress.com)